

Harga RON95, diesel kekal, RON97 naik 11 sen

PUTRAJAYA — Harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.08 dan RM2.18 seliter bagi tempoh bermula hari ini sehingga 5 Julai depan.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan berkata, harga runcit petrol RON97 pula naik sebanyak 11 sen iaitu daripada RM2.38 kepada RM2.49 seliter untuk tempoh sama.

Menurutnya, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu masing-masing

sebanyak RM2.19 dan RM2.28 seliter.

“Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada paras RM2.08 dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat,” katanya.

Sementara itu, menurut ke-nyataan itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi tempoh berkenaan adalah berjumlah RM75.16 juta.